

03 DEC 2002

Mahathir-Berniaga (Bergambar)

ORANG MELAYU TIDAK BOLEH SELAMANYA BERNIAGA DI KAKI LIMA

ALOR STAR, 3 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta orang Melayu meningkatkan perniagaan supaya mereka tidak selama-lamanya berniaga di kaki-kaki lima.

Perdana Menteri mahu orang Melayu mempunyai perancangan perniagaan dengan mengendalikan perniagaan di premis-premis tetap supaya lebih maju dan mengekalkan tarafnya.

"Orang Melayu tidak boleh berniaga sampai tahun 2100, 2200, 2300 dengan jual di tepi jalan sahaja... mesti kena tingkatkan kita punya standard," katanya kepada pemberita selepas melawat dan membeli-belah di Kompleks Pekan Rabu di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun harga barangan yang dijual mahal sedikit tetapi perniagaan itu masih boleh maju kerana pasarannya tetap ada di samping perancangan bagi mengekalkan kualiti barangan.

Dr Mahathir berkata "Meat Shop" adalah antara contoh terbaik perniagaan yang perlu diikuti oleh peniaga-peniaga Melayu kerana ia menampilkan premis menarik, bersih dan pembungkusan yang sempurna.

Sebelum itu, beliau melawat "Meat Shop" di Taman Anggerik yang dibuka hujung bulan lepas. Kedai milik peniaga Melayu itu merupakan pusat setempat bagi membeli pelbagai daging halal segar dan produk berasaskan daging dengan harga yang berpatutan.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan membantu meningkatkan taraf peniaga-peniaga Melayu sama dengan peniaga di negara lain jika mereka bersungguh-sungguh dan mempunyai potensi untuk maju.

Ditanya mengenai senario masyarakat Melayu membeli-belah terutama pada musim-musim perayaan, Dr Mahathir berkata ia adalah positif dari sudut ekonomi.

"Memang benar tahun ini kita mewah sikit, perniagaan runcit kita lebih baik daripada kebanyakan negara-negara lain," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat patut bersyukur kerana walaupun ada percubaan untuk menimbulkan kesangsian terhadap negara, ekonomi negara tidak terjejas dan masih ramai berniaga dan bebas membeli-belah.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa kira-kira sejam untuk membeli-belah sambil bermesra dengan peniaga-peniaga Melayu di Kompleks Pekan Rabu.

Mereka membeli juadah berbuka puasa, kuih-muih dan barangan untuk persiapan Aidil Fitri.

Seperti kebiasaan setiap kali melawat Kompleks Pekan Rabu, Perdana Menteri akan singgah di kedai Sardi Dahar untuk membeli songkok yang ditempah khas olehnya.

Dr Mahathir menjadi pelanggan tetap kedai itu sebelum beliau dilantik menjadi Perdana Menteri.

Selain itu, beliau membeli sampin, capal dan menempah dua pasang baju Melayu di beberapa buah kedai di situ.

Dr Mahathir, yang pernah berniaga di kompleks itu semasa zaman remajanya, berkata beliau amat berpuas hati dengan kemajuan yang dinikmati oleh peniaga-peniaga Melayu di situ.

Perdana Menteri dan isteri mengambil kesempatan melawat dan membeli-belah di Kompleks Pekan Rabu dalam rangka lawatan kerja sehari ke Kedah hari ini.

Sebelum berangkat pulang ke ibu negara malam ini, Dr Mahathir dijadual menghadiri majlis berbuka puasa bersama-sama penduduk di Masjid Kampung

Gelong Rambai, Jitra dekat sini.
-- BERNAMA
MNH RSL NAK